

INTEGRASI ELEMEN JASMANI, EMOSI, ROHANI, INTELEK DAN KOMUNIKASI (JERIK) SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN DAKWAH**INTEGRATING PHYSICAL, EMOTIONAL, SPIRITUAL, INTELLECTUAL, AND COMMUNICATION ELEMENTS (JERIK) AS THE FOUNDATIONAL FRAMEWORK FOR DA'WAH LEADERSHIP DEVELOPMENT**Halim Mokhtar¹, Marlon Pontino Guleng², Abdul Haiy Mahmud^{3*}, Mohd Hakim Arshad⁴, Norsyahila Asikin Azmi⁵¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS halim@uis.edu.my² Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS yusufmarlon@uis.edu.my³ Jabatan Pengajian Islam, Pusat Matrikulasi, UIS abdulhaiy@uis.edu.my⁴ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS mohdhakim@uis.edu.my⁵ Calon Sarjana, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, UIS syahilaazmi20@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembetulan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

Abstrak

Kepimpinan dakwah masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk perubahan sosial, perkembangan teknologi digital, kepelbagaian latar belakang masyarakat serta peningkatan isu-isu kontemporari yang memerlukan pendekatan dakwah yang lebih dinamik dan berkesan. Walau bagaimanapun, pembangunan kepimpinan dakwah sering kali memberi penekanan kepada aspek tertentu sahaja tanpa mengambil kira keperluan pembangunan insan secara holistik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan integrasi elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Komunikasi (JERIK) sebagai asas pembangunan kepimpinan dakwah yang seimbang dan mampan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis konseptual dan sorotan literatur dengan meneliti pelbagai sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan kepimpinan Islam, pembangunan insan, psikologi, pendidikan dan dakwah. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti peranan setiap elemen JERIK dalam memperkukuh pembangunan kepimpinan dakwah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap elemen JERIK memainkan peranan yang saling melengkapi dalam membentuk pemimpin dakwah yang holistik. Elemen jasmani menyumbang kepada ketahanan fizikal dan daya tahan diri, elemen emosi meningkatkan kestabilan emosi dan keupayaan mengurus konflik, elemen rohani memperkukuh hubungan dengan Allah SWT serta membentuk integriti kepimpinan, elemen intelek meningkatkan penguasaan ilmu dan pemikiran kritis, manakala elemen komunikasi memperkasakan keberkesanan penyampaian mesej dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat. Integrasi kelima-lima elemen ini berupaya melahirkan pemimpin dakwah yang kompeten, berdaya saing dan responsif terhadap cabaran semasa. Implikasi kajian menunjukkan bahawa model JERIK boleh dijadikan kerangka asas dalam merangka program pembangunan kepimpinan dakwah oleh

institusi pendidikan, organisasi dakwah dan agensi berkaitan bagi melahirkan pemimpin masa depan yang berkarisma, berintegriti dan mampan.

Kata kunci

Kepimpinan; dakwah, Elemen JERIK, Holistik,

Abstract

Contemporary da'wah leadership faces various challenges, including rapid social changes, technological advancements, diverse societal backgrounds, and emerging contemporary issues that require more dynamic and effective approaches to Islamic outreach. However, leadership development programmes often emphasise selected competencies while overlooking the need for a holistic human development framework. Therefore, this study aims to analyse the significance of integrating the Physical, Emotional, Spiritual, Intellectual, and Communication (JERIK) elements as a foundational framework for sustainable and holistic da'wah leadership development. This study employs a qualitative approach through conceptual analysis and literature review by examining relevant primary and secondary sources related to Islamic leadership, human development, psychology, education, and da'wah. The collected data were analysed descriptively to identify the contributions of each JERIK element towards strengthening da'wah leadership development. The findings reveal that each JERIK element plays a complementary role in shaping holistic da'wah leaders. The physical element contributes to physical endurance and resilience; the emotional element enhances emotional stability and conflict management skills; the spiritual element strengthens one's relationship with Allah SWT and promotes leadership integrity; the intellectual element develops knowledge mastery and critical thinking abilities; while the communication element improves the effectiveness of da'wah delivery across diverse audiences. The integration of these five elements contributes to the development of competent, competitive, and adaptive da'wah leaders capable of addressing contemporary challenges. The study highlights that the JERIK model can serve as a foundational framework for designing da'wah leadership development programmes within educational institutions, da'wah organisations, and related agencies in producing future leaders who are charismatic, ethical, and sustainable.

Keywords

Da'wah leadership, JERIK elements, holistic development, sustainability

1. Pengenalan

Kepimpinan dakwah memainkan peranan yang signifikan dalam membimbing masyarakat ke arah pemahaman Islam yang menyeluruh, khususnya dalam era globalisasi yang mencabar nilai dan budaya (Wastiyah, 2020; Romli, 2019). Seorang pemimpin dakwah perlu mempunyai ilmu yang mendalam, integriti yang tinggi, serta kemahiran komunikasi yang berkesan bagi melaksanakan tugas *amar makruf nahi mungkar* (Wastiyah, 2020). Di samping itu, mereka juga perlu menguasai teknologi semasa dan mengaplikasikan kaedah dakwah yang sesuai dengan konteks dan keperluan masyarakat masa kini (Romli, 2019).

Kepimpinan dalam dakwah turut merangkumi keupayaan untuk memotivasikan dan membimbing umat ke arah matlamat yang diinginkan, dengan Nabi Muhammad SAW sebagai model utama kepemimpinan yang bersifat transformasi dan beretika (Azizah & Wirasusanto, 2024). Model kepemimpinan dakwah merangkumi strategi seperti memberikan panduan yang jelas, memahami realiti sosial masyarakat, serta

melaksanakan aktiviti keislaman yang menyentuh aspek Pembangunan sahsiah dan penglibatan komuniti (Leliana & Castrawijaya, 2024).

Bagi memastikan kepimpinan dakwah yang berkesan dan berdaya tahan, pendekatan integratif amat diperlukan, iaitu pendekatan yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan komunikasi. Pendekatan ini mampu membentuk pemimpin dakwah yang holistik, berwibawa, dan mampu menangani cabaran semasa dalam usaha memperkasa masyarakat Islam yang progresif dan berdaya saing.

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan aspek kepimpinan Islam, pembangunan insan dan dakwah secara berasingan, masih terdapat kekurangan perbincangan yang mengintegrasikan elemen jasmani, emosi, rohani, intelek dan komunikasi sebagai satu kerangka yang holistik dalam pembangunan kepimpinan dakwah. Keadaan ini mewujudkan keperluan untuk meneliti secara lebih menyeluruh bagaimana elemen-elemen tersebut dapat disepadukan bagi membentuk pemimpin dakwah yang mampu menghadapi cabaran masyarakat kontemporari.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis integrasi elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Komunikasi (JERIK) sebagai asas pembangunan kepimpinan dakwah. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu: (i) mengenal pasti peranan setiap elemen JERIK dalam pembangunan kepimpinan dakwah; (ii) menganalisis hubungan dan kepentingan integrasi elemen-elemen tersebut dalam membentuk pemimpin dakwah yang holistik; dan (iii) mencadangkan kerangka konseptual pembangunan kepimpinan dakwah berasaskan Model JERIK yang boleh diaplikasikan dalam institusi pendidikan dan organisasi dakwah.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kepimpinan dakwah yang berkesan memerlukan pembangunan insan yang seimbang dari aspek spiritual, emosi, intelektual, fizikal dan sosial. Dalam konteks kepimpinan Islam, aspek kerohanian sering dianggap sebagai teras utama yang membentuk integriti, amanah dan keikhlasan seseorang pemimpin. Konsep tazkiyah al-nafs yang diketengahkan oleh para sarjana Islam seperti al-Ghazali menekankan proses penyucian jiwa sebagai asas pembentukan akhlak dan kepimpinan yang berteraskan nilai-nilai Islam. Pada masa yang sama, kepimpinan yang berkesan juga memerlukan kekuatan emosi bagi membolehkan seseorang pemimpin mengurus tekanan, konflik dan hubungan interpersonal secara bijaksana.

Selain itu, perkembangan teori kepimpinan moden turut menegaskan kepentingan kecerdasan emosi dan kecerdasan intelektual dalam meningkatkan keberkesanan kepimpinan. Goleman (2007) menjelaskan bahawa kesedaran diri, kawalan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial merupakan komponen penting yang menyumbang kepada kecemerlangan kepimpinan. Sementara itu, Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner menegaskan bahawa potensi manusia tidak terhad kepada kecerdasan akademik semata-mata, bahkan melibatkan pelbagai dimensi yang perlu dibangunkan secara menyeluruh. Dalam konteks dakwah, penguasaan ilmu agama dan ilmu kontemporari amat penting bagi membolehkan pemimpin dakwah memahami realiti

masyarakat serta mengemukakan penyelesaian yang relevan terhadap pelbagai isu semasa.

Di samping aspek spiritual, emosi dan intelektual, elemen jasmani dan komunikasi turut memainkan peranan penting dalam pembangunan kepimpinan dakwah. Ketahanan fizikal membolehkan pemimpin melaksanakan tanggungjawab dakwah secara berterusan dan berkesan, manakala kemahiran komunikasi menjadi medium utama dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat yang semakin kompleks dan pelbagai. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah sangat dipengaruhi oleh kebolehan pemimpin menyesuaikan pendekatan komunikasi mengikut latar belakang, budaya dan keperluan khalayak sasaran. Dalam era digital, keupayaan menguasai pelbagai medium komunikasi juga menjadi satu keperluan bagi memastikan mesej dakwah dapat disampaikan secara lebih luas dan berkesan.

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan aspek kerohanian, emosi, intelektual, jasmani dan komunikasi dalam konteks pendidikan, pembangunan insan dan kepimpinan Islam, kebanyakan kajian tersebut meneliti elemen-elemen tersebut secara berasingan. Kajian berkaitan kepimpinan dakwah pula lebih banyak memfokuskan kepada ciri-ciri pendakwah, gaya kepimpinan atau strategi dakwah tertentu tanpa mengemukakan satu kerangka pembangunan kepimpinan yang mengintegrasikan kesemua elemen tersebut secara menyeluruh. Keadaan ini menunjukkan masih wujud jurang dalam literatur berkaitan pembangunan kepimpinan dakwah yang bersifat holistik dan multidimensi.

Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan Model JERIK yang mengintegrasikan elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi sebagai asas pembangunan kepimpinan dakwah. Model ini dicadangkan sebagai satu kerangka konseptual yang mampu membentuk pemimpin dakwah yang bukan sahaja mempunyai kekuatan spiritual dan penguasaan ilmu, tetapi juga memiliki ketahanan fizikal, kestabilan emosi serta kemahiran komunikasi yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masyarakat kontemporari.

2. Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berbentuk analisis konseptual dan sorotan literatur. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menghuraikan dan menyusun semula konsep-konsep sedia ada yang berkaitan dengan Pembangunan kepimpinan dakwah secara holistik. Penulis menganalisis pelbagai sumber literatur klasik dan kontemporari seperti karya Al-Ghazali (*Ihya' Ulum al-Din*), teori pendidikan dan psikologi moden (Goleman, Gardner), serta sirah kepimpinan Rasulullah SAW sebagai asas integrasi lima elemen JERIK: Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Definisi Kepimpinan Dakwah dan Perbezaannya dengan Pendakwah

Sebelum membincangkan elemen JERIK dalam pembangunan kepimpinan dakwah, adalah penting untuk menjelaskan perbezaan antara konsep kepimpinan dakwah dan pendakwah kerana kedua-duanya sering digunakan secara bertukar ganti walaupun mempunyai skop yang berbeza. Pendakwah merujuk kepada individu yang menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat melalui pelbagai pendekatan seperti ceramah, penulisan, media sosial dan program kemasyarakatan. Fokus utama pendakwah adalah kepada proses penyampaian mesej dakwah dan pendidikan Islam kepada sasaran dakwah (mad'u).

Sebaliknya, kepimpinan dakwah merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk mempengaruhi, membimbing, mengurus dan menggerakkan individu atau organisasi ke arah mencapai matlamat dakwah secara terancang dan berkesan. Seorang pemimpin dakwah bukan sahaja berperanan menyampaikan mesej Islam, bahkan bertanggungjawab merancang strategi, membangunkan sumber manusia, mengurus organisasi, membuat keputusan serta memastikan kesinambungan gerakan dakwah. Dengan kata lain, semua pemimpin dakwah berfungsi sebagai pendakwah, namun tidak semua pendakwah mempunyai peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin dakwah.

Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada pembangunan kepimpinan dakwah, iaitu pembentukan individu yang bukan sahaja mampu menyampaikan mesej Islam dengan berkesan, tetapi juga mempunyai kemampuan memimpin organisasi, mengurus perubahan, membangunkan masyarakat dan menggerakkan agenda dakwah secara holistik. Oleh itu, perbincangan mengenai elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi (JERIK) akan dianalisis berdasarkan keperluannya dalam membentuk pemimpin dakwah dan bukannya sekadar pendakwah.

3.1 Elemen JERIK dalam Konteks Kepimpinan Dakwah

Pembangunan kepimpinan dakwah yang berkesan memerlukan pendekatan yang bersifat holistik dan seimbang bagi memastikan pemimpin bukan sahaja mempunyai penguasaan ilmu agama, malah memiliki keupayaan mengurus diri, memimpin organisasi serta berinteraksi dengan masyarakat secara berkesan. Berdasarkan analisis literatur dan kerangka konseptual yang dibangunkan, kajian ini mengenal pasti lima elemen utama yang menjadi asas kepada pembangunan kepimpinan dakwah, iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi (JERIK). Kelima-lima elemen ini tidak berfungsi secara berasingan, sebaliknya saling berinteraksi dan melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk pemimpin dakwah yang berintegriti, berdaya tahan dan responsif terhadap cabaran semasa. Perbincangan berikut menghuraikan peranan setiap elemen serta hubungannya dalam membentuk model kepimpinan dakwah yang holistik.

a) Jasmani

Elemen jasmani merujuk kepada tahap kesihatan, kecergasan dan ketahanan fizikal yang membolehkan pemimpin dakwah melaksanakan tanggungjawab secara berterusan dan berkesan. Dalam konteks dakwah, ketahanan fizikal penting kerana pemimpin sering terlibat dalam aktiviti lapangan, perjalanan, pengurusan program dan interaksi masyarakat yang memerlukan tenaga serta daya tahan yang tinggi. Oleh itu, aspek jasmani bukan sekadar melibatkan kesihatan tubuh badan, bahkan menjadi asas yang menyokong keberkesanan pelaksanaan tugas dakwah.

b) Emosi

Elemen emosi pula merujuk kepada keupayaan memahami, mengawal dan mengurus emosi diri sendiri serta orang lain secara bijaksana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kestabilan emosi membantu pemimpin dakwah berhadapan dengan cabaran, tekanan dan konflik yang sering berlaku dalam organisasi serta masyarakat. Namun demikian, elemen emosi tidak boleh dilihat secara terpisah daripada elemen komunikasi. Pemimpin yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lazimnya lebih berupaya membina hubungan interpersonal yang baik, mendengar secara empati dan menyampaikan mesej dakwah dengan lebih berhikmah. Hubungan ini menunjukkan bahawa keberkesanan komunikasi sebenarnya banyak dipengaruhi oleh tahap kecerdasan emosi seseorang pemimpin.

c) Rohani

Elemen rohani merujuk kepada pembangunan hubungan seseorang dengan Allah SWT melalui penghayatan akidah, ibadah, akhlak dan proses penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs). Dalam artikel ini, istilah rohani digunakan secara sinonim dengan spiritual kerana kedua-duanya merujuk kepada dimensi dalaman manusia yang berkait dengan keimanan, nilai dan tujuan hidup. Analisis menunjukkan bahawa elemen rohani berfungsi sebagai teras kepada keseluruhan Model JERIK kerana ia membentuk integriti, amanah, keikhlasan dan kesedaran etika dalam kepimpinan dakwah. Tanpa kekuatan rohani, penguasaan ilmu dan kemahiran komunikasi berisiko digunakan untuk tujuan yang tidak selari dengan matlamat dakwah Islam.

d) Intelek

Dari sudut intelek, pemimpin dakwah memerlukan penguasaan ilmu yang luas serta keupayaan berfikir secara kritis dan strategik. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa elemen intelek perlu diseimbangkan dengan elemen rohani. Penguasaan ilmu tanpa panduan nilai dan spiritualiti boleh menyebabkan kepimpinan menjadi terlalu rasional dan kehilangan dimensi kemanusiaan serta hikmah. Sebaliknya, integrasi antara intelek dan rohani membolehkan pemimpin membuat keputusan yang bukan sahaja tepat dari sudut strategi, tetapi juga berlandaskan prinsip syariah dan nilai Islam.

e) Komunikasi

Elemen komunikasi pula berfungsi sebagai medium yang menghubungkan kesemua elemen lain dalam proses kepimpinan dakwah. Kemahiran komunikasi membolehkan

pemimpin menyampaikan visi, membina jaringan sosial, mempengaruhi masyarakat dan menyebarkan mesej Islam secara berkesan. Namun, keberkesanan komunikasi tidak hanya bergantung kepada kemahiran teknikal semata-mata, bahkan dipengaruhi oleh kekuatan emosi, keluasan ilmu dan kemantapan rohani seseorang pemimpin. Justeru, komunikasi boleh dianggap sebagai manifestasi luaran kepada kekuatan dalaman yang dibentuk melalui elemen-elemen JERIK yang lain.

Berdasarkan analisis tersebut, dapat dirumuskan bahawa elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi tidak berfungsi secara bersendirian tetapi saling berinteraksi dan melengkapi antara satu sama lain. Elemen rohani menjadi asas pembentukan nilai dan integriti, elemen intelek menyediakan kefahaman dan kebijaksanaan, elemen emosi menyokong hubungan interpersonal dan pengurusan diri, elemen jasmani memastikan ketahanan dalam pelaksanaan tugas, manakala elemen komunikasi menjadi medium penyampaian dan pengaruh. Integrasi kelima-lima elemen ini membentuk satu model pembangunan kepimpinan dakwah yang holistik, seimbang dan relevan dalam menghadapi cabaran masyarakat kontemporari.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pembangunan kepimpinan dakwah yang holistik tidak boleh bergantung kepada satu dimensi pembangunan insan semata-mata, sebaliknya memerlukan integrasi yang seimbang antara elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intellect dan Komunikasi (JERIK). Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa setiap elemen memainkan fungsi yang berbeza tetapi saling melengkapi dalam membentuk keupayaan kepimpinan dakwah. Elemen jasmani menyumbang kepada ketahanan fizikal dan daya tahan dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah, elemen emosi membantu pengurusan diri dan hubungan interpersonal, elemen rohani membentuk integriti serta orientasi nilai, elemen intelek memperkukuh keupayaan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, manakala elemen komunikasi berperanan sebagai medium untuk mempengaruhi dan menyampaikan mesej dakwah secara berkesan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa keberkesanan kepimpinan dakwah tidak terhasil daripada penguasaan mana-mana elemen secara berasingan, tetapi bergantung kepada tahap integrasi antara kesemua elemen tersebut. Hubungan antara kekuatan rohani dan intelek, kestabilan emosi dan kemahiran komunikasi, serta ketahanan jasmani dan keupayaan melaksanakan tugas dakwah secara berterusan membuktikan bahawa pembangunan kepimpinan dakwah perlu dilihat sebagai satu proses yang bersifat multidimensi dan saling berkaitan. Justeru, Model JERIK menawarkan satu kerangka konseptual yang lebih menyeluruh berbanding pendekatan pembangunan kepimpinan yang hanya memberi penekanan kepada aspek ilmu atau kemahiran tertentu sahaja.

Dari sudut sumbangan intelektual, kajian ini memperluaskan perbincangan tentang kepimpinan dakwah dengan mengintegrasikan lima elemen utama pembangunan insan ke dalam satu kerangka konseptual yang sistematik. Model yang dicadangkan bukan sahaja membantu menjelaskan komponen-komponen asas yang diperlukan dalam pembangunan pemimpin dakwah, malah menyediakan asas teoritik

yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan modul latihan, kurikulum pendidikan dan program pembangunan kepimpinan di institusi pendidikan serta organisasi dakwah.

Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan bagi menguji Model JERIK secara empirikal dalam pelbagai konteks organisasi dan institusi dakwah bagi menilai hubungan antara elemen-elemen yang dicadangkan serta tahap pengaruhnya terhadap keberkesanan kepimpinan dakwah. Kajian sedemikian berpotensi memperkukuh lagi model ini sebagai satu kerangka pembangunan kepimpinan dakwah yang relevan dan mampan dalam menghadapi cabaran masyarakat kontemporari.

Rujukan

- Abdullah, M. Y. M., Mokhtar, H., Abd Majid, M., & Aini, Z. (2021). Strategi Pengimarahannya Masjid Melalui Gaya Kepimpinan Nazir Masjid di Selangor: Strategy of Enlivenment The Mosque Through Nazir Leadership Style in Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 171-185.
- Abdullah, M. Y. M., Mokhtar, H., Misra, M. K. A., Aini, Z., & Mahmod, A. H. (2023). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka Bentuk Pembangunan Model Kepimpinan Kerohanian Tok Batin dalam Kelestarian Pembangunan Komuniti Orang Asli Muslim. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 142-157.
- Ab Ghani, S. R., Omar, R., Enh, A. M., & Kamaruddin, R. (2020). Pendekatan Komunikasi Kepemimpinan dalam Strategi Berdakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1972-2004. *e-BANGI*, 17(5), 202-219.
- Abd Hamid, S., & Mohamad, A. M. (2017). Prinsip Amanah Yang Mempengaruhi Al-Qalb dalam Kepimpinan Pendidikan serta Dorongan Pelaksanaan Syura. In *Proceeding of 1st International Conference on Research, Language, and Education (ICoRaLE2017) 11th October 2017*.
- Aini, Z., & Don, A. G. (2020). Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia [The Practice of Communication Skills among Muslim Preachers to Orang Asli Community in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(4), 83-100.
- Ashaari, M. F., & Ahmad, N. (2020). Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan kepada Pendakwah [Elements in the Content of Training Programmes and Mentorship for the Preacher]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 161-172.
- Aslami, H. (2016). *Konsep Tazkiyatun Nafs Dalam Kitab Ihya Ulumuddin Karya Imam Al-Ghazali* (Doctoral dissertation, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan).Universitu?
- Arieska, O., Syafri, F., & Zubaedi, Z. (2018). Pengembangan kecerdasan emosional (emotional quotient) Daniel Goleman pada anak usia dini dalam tinjauan pendidikan Islam. *Al Fitrah: Journal Of Early Childhood Islamic Education*, 1(1), 103-116.
- Akbar, M. F., & Humairoh, W. B. (2024). Membangun Karakter Pemimpin Transformatif (Analisis Sejarah Pendidikan Islam dalam Naskah Serat Kuntjit Karya KH Abdullah Munjul). *Jurnal Cakrawala Akademika*, 1(4), 1133-1142.

- Azizah, S. N., & Wirasusanto, A. (2024). Leadership dalam Perspektif Dakwah. *ISTISYFA: Journal of Islamic Guidance and Counseling*, 3(3).
- Azizan, N. I., & binti Roslan, N. S. Pengurusan Emosi Menurut Perspektif Al-Quran. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah (Siri 5) 2024*, 20.
- Basir, M. Z. K. (2023, November). Kesepaduan Model Bimbingan Al-Ghazali Dan Ibnu Khaldun Dalam Pelaksanaan Program Dakwah Muallaf. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 14, pp. 228-238).
- Berliana, D., & Atikah, C. (2023). Teori multiple intelligences dan implikasinya dalam pembelajaran. *Jurnal Citra Pendidikan*, 3(3), 1108-1117.
- Daud, A. S. C., & Abdullah, B. (2024). Peranan Pendakwah Menerusi Konsep Al-Hikmah Kepada Muallaf: Satu Sorotan Awal Menurut Perspektif Al-Quran: Peranan Pendakwah Menerusi Konsep Al-Hikmah Kepada Muallaf: Satu Sorotan Awal Menurut Perspektif Al-Quran. *JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 4(1), 90-109.
- Don, M. D. A. G. (2021). Pembangunan Kepimpinan Da'wah dalam Dakwah Era Digital. *S ROSIDING*, 80.
- Faridh, M., Sari, E., & Putri, T. A. (2024). Membangun Pemimpin yang Efektif: Analisis Kecerdasan Emosional dalam Praktek Kepemimpinan. *Jurnal Akuntansi dan Manajemen Bisnis*, 4(3), 01-10.
- Fauziaturromah, Y., & Listiana, A. (2023). Konsep Kecerdasan Interpersonal Menurut Howard Gardner Pada Pendidikan Anak Usia Dini. *Jurnal Paud Agapedia*, 7(1), 103-108.
- Goleman, D. (2004). *Primal leadership: kepemimpinan berdasarkan kecerdasan emosi*. Gramedia Pustaka Utama.
- Haji Ahim, H. A. R. (2023). *Penerimaan Pelajar Terhadap Media Teknologi Radio Dalam Membangun Komunikasi Berkesan* (Doctoral dissertation, Universiti Islam Sultan Sharif Ali).
- Putra, H. P., & Dewantoro, M. H. (2022). Penerapan Teori Multiple Intelligences Howard Gardner Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Madania: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 12(2), 95-113.
- Rakhmawati, I. (2016). Karakteristik Kepemimpinan Dalam Perspektif Manajemen Dakwah. *TADBIR: Jurnal Manajemen Dakwah*, 1(2).
- Resti, M. (2023). *Peran Pemimpin Dalam Meningkatkan Aktivitas Dakwah Pada Organisasi Majelis Wakil Cabang Nahdatul Ulama (Mwcnu) Kecamatan Bekri Kabupaten Lampung Tengah* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Rohmansyah, M. S., Zohriah, A., Firdaos, R., & Syarifudin, E. (2024). Dimensi Spiritual Dalam Kepemimpinan Pendidikan Islam Melalui Model Kepemimpinan Nabi Muhammad Saw. *Geneologi Pai: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 11(2), 126-147.
- Romli, R. (2019). Dakwah Islam Era Globalisasi. *Ath-Thariq: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 3(1), 129-147.
- Satriya, N. (2021). *upaya pembentukan kecerdasan spiritual santri di pondok pesantren tahfidzul qur'an al-hasan patihan wetan babadan ponorogo* (Doctoral dissertation, IAIN Ponorogo).
- Gunawan, R., & Muhid, A. (2022). The Strategy of Da'wah Bil Hal Communication: Literature Review. *KOMUNIKE: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, 14(1), 33-50.

- Hafniati, H. (2022). Analisis Sosial Peran Lembaga Dakwah Sebagai Media Komunikasi Pada Masyarakat. *ijd-demos*, 4(4).
- Hashim, S. N. A. (2020). Pembangunan modal insan melalui konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 17-27.
- Hawna, M. N., Aziz, A., & Efendi, N. (2024). Memahami esensi kepemimpinan pendidikan Islam: prinsip-prinsip dasar untuk mencapai kualitas pendidikan. *EDUCATIONAL: Jurnal Inovasi Pendidikan & Pengajaran*, 4(3), 198-209.
- Imawan, A. (2013). Kepemimpinan Sufistik: Spiritual Leadership Jalan Sufi Untuk Pendidikan Islam. *TARBAWI*, 2(2), 19-31.
- Kasim, T. S. A. T., Ahmad, S. S., & Rahman, S. M. H. S. A. (2024). Psikoterapi Tasawuf dan Peranannya dalam Pengurusan Emosi Pelajar: Sufi Psychotherapy and Its Role in Managing Students' Emotions. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 62-69.
- Laelawati, K. (2025). Kajian Literatur: Empati Dan Kesadaran Diri Sebagai Dimensi Utama Kecerdasan Emosional Dalam Kepemimpinan Dampaknya Terhadap Kinerja Organisasi. *Paradoks: Jurnal Ilmu Ekonomi*, 8(2), 615-624.
- Leliana, A., & Castrawijaya, C. (2024). Model Kepemimpinan Dalam Kepemimpinan Dakwah. *Matlamat Minda*, 4(1).
- Maidin, I., Mokhtar, S., Othman, I. W., & Moharam, M. M. A. H. (2021). Peranan Motivasi Dakwah Dalam Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Accounting*, 6(37).
- Maimunah, M. (2023). Psikologi Komunikasi dalam Komunikasi Dakwah: Systematic Literature Review. *Bil Hikmah: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1(1), 177-192.
- Maulida, R., Aziz, A., & Efendi, N. (2024). Membangun Pemimpin Masa Depan: Strategi Pengembangan Kepemimpinan Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Tarbiyatuna: Jurnal Kajian Pendidikan, Pemikiran dan Pengembangan Pendidikan Islam*, 5(2), 75-90.
- Nadilah, T., & Yasmini, Y. (2024). Konsep Kepemimpinan Pendidikan dalam Perspektif Islam: Kajian Literatur. *Indonesian Journal Of Education*, 1(2), 58-62.
- Nasir, K., Zaman, R. K., Adnan, I., bin Abdullah, M. A., & Halim, I. A. (2024). Relevansi Pemikiran Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015) Dalam Mendepani Era Globalisasi. *Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi*, 58.
- Mohd Zahid, E. S. (2019). Pembangunan spiritual: konsep dan pendekatan dari perspektif Islam. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2, 64-87.
- Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Abd Majid, M., & Aini, Z. (2021). Analisis Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Nazir dengan Faktor Pengimarahan Masjid: Analysis of The Relationship Between Leadership Style of Nazir and Enlivenment Mosque Factors. *Jurnal Pengajian Islam*, 1-11.
- Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Aini, Z., Mahmod, A. H., & Shahabudin, M. F. R. (2022). Komponen Kepimpinan Dimensi Al-Qalb dari Perspektif Kepimpinan Islam: Satu Analisis Kajian Lepas: Leadership Components of the Al-Qalb Dimension from the Perspective of Islamic Leadership: An Analysis of Past Research. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 113-124.
- Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Arshad, M. H., & Mahmod, A. H. (2023, March). Kepimpinan dakwah dalam menghadapi cabaran mad'u dalam era

- revolusi industri 4.0. In *Proceeding International Seminar on Islamic Studies* (Vol. 4, No. 1, pp. 1523-1531).
- Rozlee, R., Zainol, N. A. M., Salleh, D. M., & Abidin, Z. Z. (2020). Kepimpinan Bertanggungjawab: Membentuk Model Berteraskan Spiritual Islam. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)-Dalam Talian*, 2.
- Ruslan, R. B., Alias, B. S., & Nor, M. Y. M. (2025). Kepimpinan Strategik Dalam Pengurusan Dakwah Di Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Manjung. *Al-Hikmah*, 17(1), 1-25.
- Sarnoto, A. Z., & Sholihin, A. (2017). Perilaku kepemimpinan berbasis spiritual dalam pengembangan lembaga pendidikan Islam. *Statement*, 7(2), 56.
- Syarifudin, S. (2019). Pengembangan spiritual leadership dan pengaruhnya terhadap lembaga pendidikan Islam. *AL-LIQQO: Jurnal Pendidikan Islam*.
- Wastiyah, L. J. (2020). Peran Manajemen Dakwah di Era Globalisasi (Sebuah Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Tantangan). *Idarotuna*, 3(1), 1-15.
- Zuhdi, A., & Sunata, I. (2020). Kolaborasi Dakwah Ulama Dan Umara Dalam Perspektif Islam. *Ishlah: Jurnal Ilmu Ushuluddin, Adab Dan Dakwah*, 2(1), 32-51.